



PROGRAM BENGKEL DAN BIMBINGAN MENTOR PENULISAN SENI CENDANA

SOALAN-SOALAN LAZIM

S: Apakah Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

J: Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA disasarkan untuk para penulis, pengkritik muda, penulis seni baharu dan para profesional yang ingin meneroka dan memperhalusi kemahiran mereka dalam bidang kritikan seni termasuk seni persembahan, seni visual, muzik, filem dan sastera. Program ini diharap dapat menyokong dan meluaskan usaha para penulis dalam meningkatkan penghargaan dalam kegiatan seni dan budaya Malaysia, melestarikan seni dan mewujudkan jaringan seni yang lebih rancak di Malaysia.

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Pemohon yang layak:

- Warganegara Malaysia yang merupakan penulis, pengkritik muda, penulis seni baharu dan profesional yang ingin meneroka dan memperhalusi kemahiran mereka dalam kritikan seni;
- Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan/atau Bahasa Malaysia;
- Pemohon perlu memberikan lampiran dan contoh penulisan dan/atau karya seni yang pernah dilakukan sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun untuk menyokong permohonan mereka.
- Pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk menghadiri bengkel penulisan seni selama dua belas (12) jam yang akan dijalankan dalam tiga (3) hari dan menyelesaikan sebarang tugas yang diberikan sepanjang tempoh bengkel dari 8 - 10 Oktober 2021.
- Harap maklum bahawa jumlah penyertaan terhad dan proses penilaian akan dilakukan setelah penghantaran permohonan.

S: Siapakah yang akan memilih pemohon yang berjaya?

J: Permohonan akan dinilai oleh panel penilaian CENDANA.

S: Berapa lamakah pemohon perlu menunggu sebelum mengetahui keputusan mereka?

J: Pemohon akan diberi notifikasi tentang keputusan permohonan mereka sama ada berjaya / tidak berjaya melalui pengesahan e-mel selewat-lewatnya pada **15 September 2021**.

S: Bolehkah saya memohon program pendanaan CENDANA yang lain sekiranya dipilih untuk Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

J: Ya, anda boleh memohon kerana program ini bukan program pembiayaan.

S: Apakah garis masa untuk program ini?

J: Program ini mempunyai dua (2) fasa yang akan dimulakan dalam tempoh berikut:

- **Fasa 1:** 8 – 10 Oktober 2021
- **Fasa 2:** 25 Oktober 2021 – 28 February 2021

S: Apakah perbezaan antara Fasa 1 dan Fasa 2?

J: Pada Fasa 1, peserta yang mengajukan permohonan akan disaring berdasarkan kriteria dalam Terma Rujukan dan sejumlah seratus (100) orang peserta akan dipilih untuk mengikuti Bengkel Penulisan Seni. Pada Fasa 2, dua puluh empat (24) penulis yang berpotensi akan dikenal pasti oleh mentor-mentor dari Fasa 1 untuk dimajukan ke Fasa 2.

S: Berapakah bilangan peserta yang dipilih?



J: Seramai seratus (100) orang peserta untuk Fasa 1 dan dua puluh empat (24) orang peserta yang terpilih akan dipilih untuk Fasa 2 berdasarkan penilaian ringkasan artikel 500 - 800 patah perkataan yang ditulis oleh peserta dari Fasa 1 program ini.

S: Apakah sokongan yang diberikan oleh CENDANA?

J: CENDANA akan merangkumi sokongan berikut:

- Bengkel penulisan seni penulisan seni selama dua belas (12) jam dijalankan sepanjang tiga (3) hari;
- Penyelarasan bimbingan mentor sepanjang kedua-dua fasa program;
- Pembayaran mengikut kadar pasaran yang dipersetujui untuk setiap artikel yang diterbitkan semasa Fasa 2 (hanya mentee terpilih) di laman web BASKL CENDANA;
- Sokongan bimbingan mentor sepanjang kedua-dua fasa program;
- Platform digital untuk kedua-dua fasa program; dan
- Publisiti mengenai artikel yang diterbitkan.

S: Apakah struktur Bengkel Penulisan Seni di Fasa 1?

J: Peserta wajib menghadiri Bengkel Penulisan Seni selama **dua belas (12) jam**, dijalankan sepanjang **tiga (3) hari** secara atas talian.

S: Apakah yang diharapkan daripada pemohon program yang berjaya di Fasa 1 (Bengkel)?

J: Pemohon yang berjaya bagi Fasa 1 (Bengkel) diharapkan dapat:

- Bersedia untuk menghadiri **dua belas (12) jam** penuh yang dijalankan sepanjang tiga (**3**) hari, **Bengkel Penulisan Seni dari 8 – 10 Oktober 2021** dan menyelesaikan setiap tugas yang diberikan sepanjang Fasa 1.
- Meluangkan masa dan komitmen untuk **Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA** dan sebarang tindakan susulan daripada CENDANA.

S: Siapakah yang akan dipilih untuk Fasa 2?

J: Dua puluh empat (24) orang peserta akan dipilih berdasarkan penilaian artikel 500 - 800 patah perkataan yang dikehendaki ditulis oleh penulis mengikut garis panduan yang diberi dan dihantar untuk penilaian bagi pemilihan mentee untuk Fasa 2 program ini.

S: Apakah yang diharapkan daripada pemohon program yang terpilih untuk Fasa 2 (Bimbingan Mentor)?

J: Pemohon yang dilanjutkan kepada Fasa 2 diharapkan dapat:

- Menghadiri semua sesi dan penglibatan program mentor sepanjang Fasa 2;
- Sedia untuk memberi komitmen menulis dua (2) buah artikel, 800 - 1,200 patah perkataan setiap bulan sepanjang empat (4) bulan program bimbingan mentor yang bermula **25 Oktober 2021**; dan
- Menyatakan kesediaan untuk memberikan maklumbalas kritikal dan tinjauan keseluruhan untuk penambahbaikan program.

S: Pada Fasa 2, adakah penulis dibayar untuk artikel yang dihasilkan?

J: Ya, sekiranya artikel yang dihasilkan dianggap bersesuaian, artikel tersebut akan dipilih untuk penerbitan dan dibayar mengikut kadar pasaran oleh CENDANA.

S: Bagaimana pula dengan Fasa 1, adakah artikel yang dihasilkan akan dibayar?

J: Tidak, semasa Fasa 1, setiap artikel yang dihasilkan adalah sebahagian daripada tugas dan **tidak dibayar**.

S: Adakah pemohon yang terpilih harus menandatangani perjanjian komitmen dengan CENDANA untuk menghadiri Bengkel Penulisan Seni?

J: Ya, pemohon yang telah terpilih perlu menandatangani perjanjian yang ringkas dengan CENDANA kerana bengkel ini adalah percuma dan kami ingin memastikan bahawa peserta yang terpilih menjalani program sepenuhnya. Kami juga perlu memantau kemajuan program yang dilaksanakan.

S: Apakah kesan sekiranya saya hanya dapat menghadiri satu (1) atau dua (2) hari Bengkel Penulisan Seni dan tidak dapat menghadiri ketiga-tiga (3) hari?

J: Peserta diharapkan dapat menghadiri ketiga (3) hari kelas Bengkel Penulisan Seni, sekiranya anda tidak dapat menghadiri ketiga-tiga (3) hari maka secara automatik anda tidak akan layak dipertimbangkan untuk Fasa 2 (Bimbingan Mentor).

S: Adakah Mentee yang terpilih harus menandatangani perjanjian dengan CENDANA untuk Fasa 2 Program Bimbingan Mentor?

J: Ya, peserta yang terpilih harus menandatangani perjanjian dengan CENDANA sebagai komitmen untuk menjalani program bimbingan selama empat (4) bulan dan memenuhi pelaksanaan kerja program kerana program ini adalah percuma dan kami ingin memastikan hanya individu yang komited dan layak sahaja berpeluang untuk menjalani bimbingan mentor dan memperoleh sejumlah pendapatan daripada penulisan mereka. Kami juga perlu memantau kemajuan program yang dilaksanakan.

S: Bagaimana pula sekiranya saya tidak dapat menyelesaikan Fasa 2 Program Bimbingan Mentor dan terpaksa berhenti di pertengahan program?

J: Semua peserta yang terpilih harus menandatangani perjanjian dengan CENDANA. Oleh itu, jika peserta terpaksa berhenti semasa Fasa 2 Program Bimbingan Mentor dijalankan, maka terma dan syarat perjanjian akan dilaksanakan dan ada kemungkinan peserta harus mengembalikan kos perbelanjaan penyertaan Fasa 2 Program Bimbingan Mentor. Oleh itu, peserta yang dipilih untuk Fasa 2 Program Bimbingan Mentor harus yakin bahawa mereka dapat memberikan masa dan komited untuk menghasilkan penulisan yang diperlukan sepanjang fasa ini.

S: Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya setelah program selesai?

J: Pemohon diharapkan dapat:

- Melengkapkan Kajian Penilaian CENDANA untuk setiap fasa program; dan
- Menghantarkan sejumlah lapan (8) buah artikel sebagaimana yang ditugaskan sepanjang empat (4) bulan Program Bimbingan Mentor setelah mengambilkira input / maklum balas daripada Mentor dan Editor yang ditugaskan.